



**JOURNAL OF INFORMATION  
SYSTEM AND TECHNOLOGY  
MANAGEMENT  
(JISTM)**

[www.jistm.com](http://www.jistm.com)



**APLIKASI PENDIGITALAN DALAM PENGURUSAN  
KEWANGAN DIKALANGAN INSTITUSI PENGURUSAN ZAKAT  
DIMALAYSIA DIGITALIZATION**

*APPLICATION IN FINANCIAL MANAGEMENT AMONG MALAYSIA'S ZAKAT  
MANAGEMENT INSTITUTIONS*

Noraini Saro<sup>1\*</sup>, Azri Bhari<sup>2</sup>, Afandi Mat Rani<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Malaysia

Email: norainisaro@gmail.com

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Malaysia

Email: azrib178@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Malaysia

Email: mohdafandi@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 31.05.2022

Published date: 21.06.2022

**To cite this document:**

Saro, N., Bhari, A., & Mat Rani, A. (2022). Aplikasi Pendigitalan Dalam Pengurusan Kewangan Dikalangan Institusi Pengurusan Zakat Dimalaysia Digitalization. *Journal of Information System and Technology Management*, 7 (26), 32-42.

DOI: 10.35631/JISTM.726003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Pendigitalan menjadi aspek kritikal mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia. Dunia pendigitalan kini digunakan dalam pelbagai bidang, pendidikan, perbankan, kesihatan juga dalam zakat dan lain-lain.. Pandemik Covid-19 yang bermula pada penghujung tahun 2019 telah menyebabkan pelaksanaan pendigitalan lebih agresif bagi mengekang penularan virus ini. Sejalan dengan keutamaan zakat sebagai salah satu sumber ekonomi islam, institusi zakat mula mengorak langkah ke hadapan dalam meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan kutipan dan agihan zakat. Kini terdapat pelbagai kaedah baharu yang dilaksanakan dalam melaksanakan kutipan serta agihan zakat, dan ia masih berada dalam kerangka syarak, Disamping meneraju perubahan memberi perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme pengurusan urusan kutipan dan agihan zakat. Pihak Institusi zakat percaya perkhidmatan digitalisasi, dapat memberi kemudahan kepada umat Islam. Kajian ini bertujuan mengenalpasti senario institusi zakat dalam mengadaptasi teknologi pendigitalan pada masa kini. Kajian dijalankan secara kualitatif menerusi sumber dokumentasi, laporan institusi zakat, kajian-kajian lepas yang berkaitan digitalisasi zakat serta penelitian terhadap laman web institusi zakat di Malaysia bagi meninjau pendekatan digitalisasi yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia. Hasil kajian menemukan adaptasi teknologi dalam pelaksanaan zakat di Malaysia sejajar dengan perkembangan teknologi IR 4.0. Dapatan kajian juga menunjukkan peranan

pihak instistusi dalam mengadaptasi teknologi serta peranan teknologi dalam memperkasakan kewangan islam khususnya zakat.

**Kata Kunci:**

Aplikasi, Berkesan, Cekap, Kewangan Islam, Pendigitalan

**Abstract:**

Digitization is a critical component of increasing Malaysia's economic stability. Digitization is now used in many fields, including education, banking, health, and zakat, among others. The Covid-19 pandemic, which began at the end of 2019, has resulted in more aggressive digitization implementation to combat the virus's spread. In line with the importance of zakat as a source of revenue in the Islamic economy, zakat institutions have begun to improve the quantity and quality of zakat collection and distribution services. There are now several new methods for collecting and distributing zakat that remain within the framework of Islamic law, in addition to leading the way. The Zakat Institution believes that digitalization services will benefit Muslims. The purpose of this research is to identify the current scenario of zakat institutions in terms of digital technology adoption. The study was conducted qualitatively using documentation sources, reports from zakat institutions, previous studies on zakat digitization, and research on the websites of Malaysian zakat institutions to review the digitalization approach used by Malaysian zakat institutions. According to the study's findings, technology adaptation in zakat implementation in Malaysia is in line with the development of IR 4.0 technology. The study's findings also demonstrate the role of institutions in adopting technology, as well as the role of technology in strengthening Islamic finance, particularly zakat.

**Keywords:**

Application, Effective, Efficient, Islamic Finance, Digitization

**Pengenalan**

IR 4.0 adalah realiti masa kini yang mana setiap organisasi perlu mengambil langkah drastik ke arah perubahan bagi memastikan ia kekal relevan dengan arus perkembangan semasa dan berdaya saing pada masa hadapan. Dalam meniti arus kemoneteran ini, telefon pintar telah menggantikan banyak aplikasi yang digunakan dalam komputer riba, komputer dan kamera. Penggunaan telefon pintar telah menjadi dominan sebagai kemudahan pengguna dalam mengakses internet untuk mengendalikan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian. Beberapa tahun lalu, sistem dompet digital melalui aplikasi mudah alih telah diperkenalkan. Penggunaan dompet digital yang dikenali sebagai e-money atau e-wallet di Malaysia berkembang pantas sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan pertumbuhan yang dipacu oleh usaha kerajaan dan pemasaran aktif oleh pelbagai syarikat.

Teknologi yang sedang berkembang di dunia ini adalah sebenarnya bertujuan untuk membantu dan memudahkan urusan manusia jika ianya dapat dimanfaatkan dengan baik. E-wallet merupakan antara teknologi semasa yang perlu dimanfaatkan oleh masyarakat terutamanya di Malaysia. Ini kerana penggunaan e-wallet ini akan dapat banyak membantu memudahkan urusan di dalam kontrak jual beli, pembayaran bil utiliti dan sebagainya. Islam juga tidak

melarang segala urusan jual beli selagi tidak mempunyai perkara-perkara yang mengharamkannya seperti wujudnya gharar, riba dan judi. Oleh itu, teknologi ini perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh umat Islam terutama di dalam sektor wakaf dan zakat kerana ia mampu memudahkan urusan dan meningkatkan kecekapan di dalam sektor tersebut. (Wan Nurliza, 2021)

Seterusnya teknologi semasa yang menggabungkan pendigitalan dan teknologi kewangan (fintech) yang lebih tinggi telah dapat membantu dalam mengukuhkan daya tahan sektor industri kewangan sosial Islam. Hasilnya sistem kewangan sosial Islam dan ekonomi digital menawarkan peluang untuk orang Islam dan bukan Islam dalam usaha menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan membina ketelusan (transparency), kepercayaan (trust) dan keyakinan (confidence) di dalam sistem kewangan ini. Sebagai contoh, sistem Blockchain adalah catatan transaksi digital berdasarkan strukturnya di mana catatan individu yang disebut blok dihubungkan bersama satu daftar yang disebut chain (rantai). Kewangan sosial Islam khususnya zakat dan Fintech (kewangan digital) menawarkan peluang yang baharu kepada umat Islam sejagat untuk meneroka bidang teknologi ini dalam konteks Islam terutamanya bidang berkaitan penggunaan Blockchain. ((AZKA), 2021) Melihat kepada ledakan teknologi maklumat serta perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, kaedah pembayaran zakat tidak lagi tertumpu kepada kaedah konvensional sebaliknya pelbagai kaedah bayaran zakat disediakan oleh institusi zakat negeri dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk institusi perbankan Islam. (Mohd Faisal Ibrahim, 2021)

FinTech merupakan singkatan perkataan Financial Technology yang membawa maksud Teknologi Kewangan. Pada tahun 2018 terdapat 85.1% penduduk di Malaysia menggunakan perbankan atas talian bagi urusan mereka (Laporan FinTech, 2018). Menurut (Mohd Faisal Ibrahim, 2021) Kekangan masa, tenaga, wang dan faktor keselamatan menyebabkan masyarakat mula berpindah kepada penggunaan perbankan atas talian. Masyarakat kini tidak lagi perlu membawa wang dalam jumlah yang banyak hanya sekadar penggunaan FinTech seperti kad debit, kad kredit, e-dompot dan aplikasi atas talian lain seperti jom pay, e-zakat, perbankan internet dan lain-lain lagi. Institusi perbankan khususnya perbankan Islam mula mengaplikasi penggunaan FinTech dalam urusan perbankan mereka bagi memudahkan urusan mereka seterusnya menarik minat pelanggan dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Menurut (Mohd Faisal Ibrahim, 2016) terdapat beberapa institusi zakat di Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan pihak bank bagi menggunakan kemudahan FinTech bagi memudahkan pembayaran zakat. Secara tidak langsung ia dapat membantu meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat.

Di Malaysia, antara perkara yang sering menjadi perdebatan masyarakat di media sosial adalah berkaitan dengan pelbagai ketidakpuasan masyarakat terhadap institusi zakat. Ketidakpuasan masyarakat ini merangkumi tahap kepuasan agihan, kualiti perkhidmatan, sikap pengurusan dan kepercayaan terhadap institusi zakat. (Rahisam Ramli, 2021) Isu kepercayaan masyarakat terhadap kutipan dan juga agihan zakat oleh pihak institusi zakat sering kali timbul dan ia masih belum selesai sehingga kini. Isu kepercayaan terhadap kutipan dan agihan zakat ini perlu di ambil perhatian oleh pihak Institusi Zakat. Isu Kepercayaan merupakan isu yang sangat penting bagi meningkatkan lagi keberkesanan peranan institusi zakat dalam meningkatkan serta membantu ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

Melihat kepada kerangka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE) dibangunkan Akademi Sains Malaysia menyenaraikan 10 pemacu sosio-ekonomi utama Malaysia dengan 10 pemacu sains dan teknologi terkemuka global, sejajar kekuatan dan keperluan negara menjelang 2030. Teknologi dan pendigitalan mampu memeriahkan semula aktiviti ekonomi pasca COVID-19 di Malaysia. Secara tidak langsung banyak ruang yang boleh diterokai dan akan memberi impak positif kepada aktiviti ekonomi negara. Oleh demikian, institusi zakat juga perlu mengambil peluang dan bersama-sama menerajui dunia pendigitalan yang mana ia mampu meningkatkan sistem pengurusan zakat serta meningkatkan pendapatan zakat. Seiring dengan perkembangan teknologi, institusi zakat di Malaysia juga perlu mengorak langkah dalam berinovasi demi mengukuhkan ekonomi Islam dengan jauh lebih baik.

### **Kajian Lepas**

Terdapat beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam kajian lepas. Antara (TNR, 12, single spacing, justify)

#### ***Pengamalan Teknologi Bagi Melaksanakan Zakat***

Pada masa kini urusan bermuamalat boleh dilaksanakan tanpa sempadan, dengan perkembangan teknologi telah menjadikan aktiviti -aktiviti seperti pengurusan perniagaan ini termasuk pengurusan zakat di Malaysia khususnya di institut zakat negeri semakin rancak. Institusi zakat telah memulakan penggunaan teknologi dalam sistem pengurusan zakat dengan membangunkan laman sesawang sebagai salah satu medium untuk menyebarkan maklumat berkaitan zakat. Sebagai contoh laman sesawang e-zakat.com.my dan www.shariahonline.com selain portal Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jabatan Agama Islam Negeri (Adi, 2014)

Seiring dengan perkembangan teknologi dunia, kini dunia berada di teknologi revolusi industri 4.0 yang mana, teknologi ini memberi kemudahan kepada penggunanya. Peralihan kepada teknologi komputer dan pengautomatan bukan sahaja membawa kepada kecekapan dan keberkesanan operasi, malah memberi impak besar terhadap keperluan sumber manusia. Peningkatan kecekapan dan pengurangan sumber manusia ini membawa kepada penjimatan kos yang drastik kepada organisasi.

Perkembangan teknologi turut membawa perubahan institusi zakat berinovasi khususnya terhadap sistem pengurusan zakat yang lebih telus. Terdapat banyak perubahan yang telah dilaksanakan oleh pihak institusi zakat bagi menjamin kecekapan institusi zakat. Antara perubahan-perubahan yang dilaksanakan dalam institusi zakat ialah kaedah penyebaran maklumat, kaedah kutipan dan agihan zakat, kaedah menjejak asnaf dan sebagainya. Menurut Muhsin, 2014 kini terdapat pelbagai perkhidmatan atas talian pembayaran zakat yang disediakan seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, yang bertujuan untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun (Muhsin, 2014)

Bagi pembayaran melalui perbankan internet atau ejen bank terpilih, kini masyarakat juga membuat pembayaran zakat secara atas talian melalui sejumlah bank terpilih yang berdaftar. Pembayaran melalui kaedah ini terbuka kepada pengguna yang mempunyai akaun simpanan atau semasa dengan agen kutipan yang mendaftar sebagai pengguna kemudahan perbankan Internet. Antaranya termasuklah Maybank2U, CIMB, Bank Islam, Bank Muamalat dan sebagainya. Untuk lebih lanjut, sila semak dengan institusi zakat negeri masing-masing.

Seterusnya masyarakat juga boleh melayari portal rasmi pusat pungutan zakat negeri di Malaysia. Terdapat segelintir masyarakat yang lebih selesa dengan penggunaan portal rasmi ini. Oleh itu pembayaran secara terus menerusi portal rasmi institusi Zakat negeri masing-masing. Selain itu masyarakat juga boleh bertanya sebarang pertanyaan lebih lanjut yang memerlukan rujukan rasmi melalui portal rasmi institusi zakat. (Maizura, 2021)

Menuju kearah pendigitalan kini, terdapat institusi zakat telah melebarkan sayapnya dalam berinovasi bagi meningkatkan kualiti pengurusan mereka, yang mana pihak institusi telah mula membangunkan aplikasi zakat sendiri, seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Mawip), dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, bagi meningkatkan mutu dan kualiti serta kemudahan bagi melaksanakan zakat, pihak institusi zakat juga turut mengambil peluang menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat luar bagi menjalankan kutipan zakat seperti kerjasama bersama pihak Tulus, SnapPay, E-Wallet, Shopee, Boost, PayHalal. (Maizura, 2021))

### ***Pandangan Perspektif Islam Terhadap Teknologi Kewangan (Zakat)***

Zakat merupakan ibadah wajib dan salah satu daripada rukun Islam yang difardhukan pada tahun ke-2 hijrah. Ini sepertimana hadis daripada Ibnu Umar RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنَ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ  
أَوْ عَبْدٍ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah iaitu satu gantang tamar atau satu gantang sya'ir pada bulan Ramadan ke atas setiap orang Islam, sama ada yang bebas atau hamba lelaki atau perempuan. Hadis Riwayat Muslim: (984)

Para Fuqaha' menjelaskan, bahawa zakat merupakan sedekah yang wajib. Ia berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah al-Taubah, 103)

Dewasa kini, teknologi memainkan peranan yang amat penting dalam melancarkan serta memudahkan urusan seharian manusia seperti membuat pembayaran bil, hutang termasuklah zakat secara atas talian. Perkara ini memudahkan urusan kerana umat Islam tidak perlu lagi ke kaunter secara bersemuka sebaliknya boleh melakukan pembayaran tersebut secara terus melalui komputer mahupun telefon pintar. Namun begitu adakah menunaikan zakat secara atas talian ini diterima, ini, keraguan sebegini telah mendatangkan kegusaran kepada pembayar-pembayar dalam menunaikan zakat secara atas talian. Melihat kepada syarat wajib dan sah zakat bagi mengeluarkan zakat, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Wahbah Zuhaili syarat-syarat mengeluarkan zakat ialah seperti diwajibkan ke atas seorang muslim yang merdeka, baligh, berakal, pemilikan harta yang cukup bilangannya (Nisab) dan cukup tempohnya (Haulnya) serta sah pemberian zakat dengan sekadar berniat bagi tertunai



kewajibannya. al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, 3/1796. Pada dasarnya, pembayaran zakat tidak disyaratkan padanya akad ijab dan kabul. Syarat sah pemberian zakat adalah mesti berniat, mempunyai hak pemilikan terhadap harta, serta berlaku penyerahan dan penerimaan barang. Berniat merupakan penentuan sesuatu perkara itu sebagai ibadah dan ia membezakannya di antara ibadah-ibadah yang lain seperti zakat dan kafarah. Ini sepertimana hadis daripada Saidina Umar al-Khattab RA Sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَىٰ

Maksudnya: Sesungguhnya setiap amalan bergantung kepada niat. Dan setiap perkara akan dibalas mengikut apa yang diniatkannya. Hadis Riwayat Muslim (1907)

Seterusnya menurut, pandangan Mazhab Imam Syafi'e, wajib berniat di dalam hati dan tidak disyaratkan dengan kata-kata seperti contoh "Ini Zakat harta" walaupun tanpa berniat fardhu, ini kerana membayar zakat merupakan suatu kewajipan. (al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, 3/1811). Manakala bagi Imam Nawawi berpendapat sedekah sama hukumnya dengan hadiah, dan ia tidak memerlukan lafaz ijab dan qabul. Cukup sekadar penyerahan dan penerimaan barang dan pendapat ini merupakan pendapat yang sahih di dalam mazhab Imam Syafi'e serta telah di naqalkan oleh fuqaha' mazhab muta'akhirin. (Raudah al-Thalibin,5/365-366)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pembayaran zakat secara atas talian, baik zakat fitrah mahupun zakat harta ia adalah sah. Ini adalah kerana syarat sah bagi mengeluarkan zakat ialah berniat dan mempunyai hak pemilikan terhadap harta, serta penyerahan dan penerimaan barang dan ianya sah sekiranya tidak disertakan akad ijab dan qabul. Tambahan lagi, Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke 116/2019 yang bersidang pada 01 April 2019 telah memutuskan bahawa dibolehkan untuk membayar zakat secara atas talian (online). Rujuk Fatwa Berkenaan Hukum Pembayaran Zakat Secara Atas Talian (Online) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Sah zakat fitrah yang dibayar secara atas talian/online kerana akad yang berlaku dalam keadaan tersebut mempunyai gambaran akad secara tulisan yang dipersetujui para ulama tentang keabsahannya. (RASID, 2021)

#### ***Kepentingan Teknologi IR 4.0 Dalam Pelaksanaan Zakat***

Perkembangan teknologi pada masa kini, memainkan peranan yang sangat besar dalam meningkatkan ekonomi seperti ekonomi Islam khususnya zakat, yang mana hasil kutipan dan agihan zakat memberi impak yang besar terhadap ekonomi Islam. Menurut Sarinah Mat Kassim, 2019 pembayaran zakat secara digital di negeri ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan, sekali gus memberi impak positif terhadap kenaikan kutipan zakat di Melaka.

Selain itu, dengan adanya teknologi IR 4.0 pihak institusi zakat dapat mempelbagaikan kaedah pembayaran yang lebih memudahkan pembayar menunaikan tanggungjawab mereka walaupun dalam keadaan pandemik. Oleh itu pihak institusi zakat seperti PPZ-MAIWP telah memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk mempertingkat dan memperkasa saluran digitalnya demi menjamin serta memastikan masyarakat terus menunaikan zakat. Dengan perkembangan teknologi terdapat pelbagai platform digital yang dibangunkan contohnya menerusi platform digital Ramadan kutipan menerusi fitrah.zakat.com.my untuk zakat fitrah saja melonjak sehingga RM5 juta berbanding pembayaran secara dalam talian biasanya kutipan hanya RM300,000. (Asri, 2020).

Menurut Qamarul Nazrin Harun, 2021 Perkembangan teknologi seperti penggunaan Fintech, dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dalam kewangan seterusnya dapat memudahkan pelanggan untuk berurusan dengan institusi kewangan melalui pelbagai aktiviti serta produk kewangan (Harun, 2021). Perkara sebegini sangat penting dalam memudahkan masyarakat untuk memberikan sumbangan walaupun dikekang dengan masa dan lokasi.

Seterusnya ICT juga mempunyai kuasa yang besar dalam mempengaruhi kehidupan seharian terutamanya generasi muda yang lebih terdedah kepada kepelbagaian teknologi terkini dalam ICT. Penggunaan Facebook, Twitter dan Instagram sebagai contoh memberikan wadah baru dalam komunikasi dan penghebahan maklumat. Institusi agama negeri dilihat tidak ketinggalan dalam memanfaatkan sepenuhnya peluang yang wujud dalam jaringan sosial ini seperti yang usaha yang dilakukan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PZZ-MAIWP) (Muhsin, 2014). Kempen-kempen berkaitan sedekah dan wakaf juga giat dilakukan sama ada oleh institusi agama negeri mahupun organisasi bukan kerajaan secara dalam talian dan bertambah rancak melalui penggunaan media sosial. Kini seiring dengan kepesatan teknologi, banyak kemudahan disediakan seperti membayar zakat fitrah secara online dan juga melalui aplikasi pembayaran zakat.

Tambahan lagi, dengan perkembangan teknologi juga, ia turut dapat membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem pengurusan institusi zakat yang telus. Ini dapat dilihat dalam kajian Hairulnizam, 2017 dan Khairul, 2019, yang mana hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif antara persepsi pembayar zakat terhadap pengurusan institusi zakat dengan kadar pembayaran zakat yang dikeluarkan kepada institusi formal. Dalam erti kata yang lain, semakin baik persepsi individu terhadap kualiti perkhidmatan institusi zakat, maka semakin tinggi keyakinannya untuk membayar zakat kepada institusi zakat, dan begitulah sebaliknya. Kajian oleh Hairunnizam et al. (2017) membuktikan antara faktor utama yang mempengaruhi individu membayar zakat secara formal adalah kecekapan pengurusan zakat. Selain itu, dengan adanya perkembangan teknologi digital ini ia turut mampu mempromosi serta memberi pendedahan yang berterusan yang mana ia secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil kutipan zakat di Malaysia. Oleh itu Institusi zakat perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap tahap keyakinan dan kepercayaan masyarakat dengan menambah baik sistem kutipan dan agihan zakat secara efektif dan produktif. Kajian Hairunnizam, Ahmad & Rashid Menurut Adibah (2016), semakin tinggi pendedahan mengenai zakat diterima oleh individu, semakin cenderung beliau ke arah kepatuhan membayar zakat.

## Metodologi

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi proses pengumpulan dan penganalisisan data. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2013) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Justeru, kajian ini bersandarkan metod kualitatif melalui kaedah analisis data penulisan bagi merungkai scenario aplikasi pendigitalan dalam pengurusan kewangan dikalangan institusi pengurusan zakat di Malaysia. Sorotan dilakukan terhadap sumber primer dan sekunder berkaitan aplikasi digital zakat yang dibangunkan serta digunapakai dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Analisis data pula dijalankan dengan menggunakan metod deduktif melalui rumusan dan kesimpulan yang dikeluarkan daripada setiap literatur yang diperolehi. Pendekatan ini

digunakan untuk merumuskan senario aplikasi digital yang dilaksanakan oleh pihak institusi Zakat di Malaysia.

### Perbincangan

Perkembangan teknologi membawa kepada kelancaran pengurusan institusi zakat dengan lebih baik yang mana secara tidak langsung ia juga dapat meningkatkan hasil kutipan zakat. Pihak instusi telah mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat, seperti adanya pembayaran melalui perbankan, portal rasmi, aplikasi mudah alih serta MyEg. Dengan adanya kepelbagaian kaedah pembayaran zakat sedikit sebanyak ia dapat membantu pihak institusi zakat meningkatkan kesedaran kewajipan berzakat terhadap masyarakat. (Khairul Azhar Meerangani, 2021)

Muhsin,2014 kini terdapat pelbagai perkhidmatan atas talian pembayaran zakat yang disediakan seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, yang bertujuan untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun (Muhsin, 2014)

Negeri	Portal Web	Aplikasi	Perbankan
Johor	<a href="https://epayment.maij.gov.my/">https://epayment.maij.gov.my/</a>	SnapNPay, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Kedah	<a href="https://jom.zakatkedah.com.my/">https://jom.zakatkedah.com.my/</a>	App Zakat On Touch, Boost	Ada
Kelantan	<a href="https://zakat.e-maik.my/">https://zakat.e-maik.my/</a>	Pembayaran MyMaik eZakat, SMS, SnapNPay, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Melaka	<a href="https://pay2.izakat.com/online_payment/fitrah">https://pay2.izakat.com/online_payment/fitrah</a>	QRPay Bank Muamalat	Ada
Negeri Sembilan	<a href="https://www.zakatns2u.biz/fitrah/">https://www.zakatns2u.biz/fitrah/</a>	App ZakatN9, SnapNPay, JomPay, Boost, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Pahang	<a href="https://ezakat.muip.gov.my/zakatfitrah/">https://ezakat.muip.gov.my/zakatfitrah/</a>	Boost	Ada
Perak	<a href="https://ezakat.maiamp.gov.my/">https://ezakat.maiamp.gov.my/</a>	Maybank QRPay, SnapNPay, GoPayZ	Ada



Negeri	Portal Web	Aplikasi	Perbankan
Perlis	<a href="https://www.maips.gov.my/index.php?lang=ms">https://www.maips.gov.my/index.php?lang=ms</a>	SnapNPay, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Penang	<a href="https://zakatpenang2u.com/Home/Landing?ReturnUrl=%2F">https://zakatpenang2u.com/Home/Landing?ReturnUrl=%2F</a>	GoPayZ, JomPay, SnapNPay, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Selangor	<a href="https://fpx.zakatselangor.com.my/v2/">https://fpx.zakatselangor.com.my/v2/</a>	GoPayZ, Boost, Pos Online	Ada
Terengganu	<a href="http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/">http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/</a>	SnapNPay, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Sabah	<a href="https://appszakat.sabah.gov.my/zakatfitrah.php">https://appszakat.sabah.gov.my/zakatfitrah.php</a>	SnapNPay, JomPay, Boost, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada
Sarawak	<a href="https://pelanggan.tbs.org.my/">https://pelanggan.tbs.org.my/</a>	SnapNPay, Tulus - Zakat, app Sedekah Online	Ada
Wilayah Persekutuan	<a href="http://fitrah.zakat.com.my">fitrah.zakat.com.my</a>	Pay Halal, Pos Online, U Mobile, Boost, Tulus - Zakat & app Sedekah Online	Ada

Sumber: (Khairul Azhar Meerangani, 2021)

Perkembangan teknologi revolusi industri 4.0 pada masa kini, telah membawa kepada peningkatan serta kualiti sistem pengurusan dalam pelbagai sektor, samaada sektor kesihatan, pendidikan, perniagaan, dan pelbagai lagi. Melihat kepada impak pelaksanaan digital, seharusnya institusi zakat dapat turut menyertai pendigitalan dengan lebih kehadapan dan memberangsangkan. Seiring dengan perkembangan teknologi, yang mana Malaysia sedang menuju kearah revolusi industri 4.0, pihak institusi zakat juga turut menyahut saranan kerajaan meningkatkan pelaksanaan pendigitalan. Kini pelbagai aplikasi mudah alih telah dibangunkan bagi memudahkan masyarakat Islam menunaikan tanggungjawab dalam berzakat. Aplikasi-aplikasi yang dibangunkan diharapkan dapat meningkatkan kualiti kutipan zakat serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan berzakat. Kini segalanya boleh dilakukan diujung jari, yang mana pembayaran zakat, boleh dilaksanakan dimana-mana sahaja, tiada had waktu serta ianya lebih mudah untuk masyarakat Islam menunaikan kewajibannya. Pelaksanaan pendigitalan zakat ini masih dalam peringkat awal percubaan, ianya masih banyak kelompongan, dan tiada keseragaman bagi sistem pengurusan zakat.

Dapat dilihat terdapat beberapa institusi telah mula membangunkan aplikasi digital sendiri bagi meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan institusi zakat, antaranya ialah Lembaga Zakat Selangor (LZS), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP), dan Lembaga Zakat Negeri Sembilan (LZNS). Fintech merupakan teknologi kewangan yang diguna pakai pada masa kini, ini termasuk juga la dalam kewangan Islam. Fintech berasal daripada gabungan dua perkataan Inggeris iaitu finance (kewangan) dan technology (teknologi). Ia adalah apa-apa transaksi atau aktiviti berkaitan kewangan yang kini diinovasikan dan diperbaharui. Ini terhasil melalui gabungan teknologi yang menyaksikan pengalaman perbankan berbeza kepada pelanggan institusi kewangan, sama ada konvensional atau perbankan Islam. Secara mudahnya, Fintech adalah penggunaan teknologi terkini dalam dunia kewangan seperti perbankan internet, big data dan blockchain. Berdasarkan kepada laporan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) Malaysia dilihat berpotensi menjadi pemimpin dunia dalam teknologi kewangan Islam (fintech) kerana Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil dalam pelaburan dan aktiviti fintech. Selain itu, kini teknologi kewangan Islam Malaysia mempunyai potensi yang amat besar untuk berkembang dengan lebih pesat. Sistem pengawalseliaan yang menyediakan resolusi.

Melihat kepada pembinaan ummah yang berkualiti tinggi ia turut memerlukan kepada sumber dana dan instrumen kewangan kukuh bagi memastikan setiap matlamat tercapai. Sebagaimana yang diketahui zakat merupakan antara instrumen utama yang memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam serta menjamin keadilan dan kestabilan sosial menerusi pengurangan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat. Menerusi kewajipan berzakat, Islam telah mewujudkan sifat prihatin dan bertanggungjawab dalam diri setiap Muslim supaya mereka mengambil peduli mengenai golongan yang memerlukan dalam masyarakat. Menerusi sistem zakat, jurang sosioekonomi antara golongan kaya dan miskin dapat dirapatkan menerusi kesedaran yang wujud dalam diri golongan yang berkemampuan bahawa golongan yang memerlukan juga mempunyai hak dan bahagian tertentu dalam harta mereka.

### **Rumusan**

Secara umumnya, apa yang dapat dilihat senario pendigitalan dalam istituti zakat masih lagi diperingkat yang rendah. Ini jelas dapat dilihat tidak semua institusi zakat dapat membangunkan aplikasi mudah alih di institusi zakat sendiri, hanya terdapat beberapa negeri sahaja yang telah mengorak langkah kearah pendigitalan. Namun begitu, kewangan Islam seperti zakat juga tidak terlepas menggunakan aplikasi teknologi bagi menambah baik servis mereka. Bagaimanapun, ia dianggap masih lagi berada pada peringkat awal. Walaubagaimanapun penularan pandemik covid -19, telah mengembangkan fintech Islam kini menjadi lebih penting daripada sebelumnya, khususnya dalam memenuhi keperluan kewangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan komuniti B40. Selain itu institusi zakat juga turut mengembangkan penggunaan fintech bagi orang ramai menunaikan zakat fitrah dan juga zakat harta sepanjang perintah kawalan dilaksanakan. Melihat kepada fenomena sebegini, dilihat masyarakat menerima baik dalam menunaikan zakat, walaupun ia hanya dijalnakan diatas talian. Kepelebagaian kaedah pembayaran zakat dilihat sangat memudahkan masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

## Rujukan

- Ab. Hamid Adi. (2014). Penerimaan Blog Sebagai Medium Agama Dalam Kalangan Pelajar Ipta Di Malaysia. Proceeding Of The International Conference On Arabic Studies And Islamic Civilization Icasic 2014. Kuala Lumpur.
- Adibah Ab Wahab (2016). Faktor Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Di Syarikat Tersenarai Awam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- (Azka), A. Z. (2021). Teknologi Blockchain Berasaskan Kontrak Pintar Dalam Memastikan Keberkesanan Dan Ketelusan Pungutan Zakat. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Adi, A. H. (2014). Penerimaan Blog Sebagai Medium Agama Dalam Kalangan Pelajar Ipta Di Malaysia. . Ab. Hamid Adi. (2014). Proceeding Of The International Conference On Arabic Studies And Islamic Civilization Icasic . Kuala Lumpur.
- Asri, S. (2020, November 15). Bantu Kami, Kami Bantu Mereka. Retrieved From <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/641859/bantu-kami-bantu-mereka>
- Creswell, J.W. (2013) Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches. 4th Edition, Sage Publications, Inc., London.
- Fintech Malaysia Report 2018 – The State Of Playe For Fintech Malaysia. Dicapai Pada 22 Oktober 2020, Pada <https://fintechnews.my/17922/editors-pick/fintech-malaysia-report-2018/>
- Harun, Q. N. (2021, Februari 2). Keberkesanan Fintech Dalam Kewangan Islam . Kuala Lumpur.
- Ibrahim, M. F. (2016). Mohd Faisol Ibrahim, 2016. Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia. The Journal Of Muamalat And Islamic Finance Research. Vol. 13, No 2, 109-121.
- Khairul Azhar Meerangani, M. T. (2021). Digitalisasi Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran . Ournal Of Business Innovationjurnal Inovasi Perniagaanvolume 6 / 2021, 36-48.
- Maizura, A. (2021, April 28). Platform Pembayaran Zakat Di Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia. Retrieved From <https://amanz.my/2021282811/>
- Mohd Faisol Ibrahim, M. N. (2021). Kesan Penggunaan Teknologi Kewangan (Fintech)Terhadap Kutipan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Analisis Perbandingan. International Conference On Syariah & Law2021(Iconsyal 2021)-Online Conference. Kuala Lumpur.
- Rahisam Ramli, A. F. (2021). Keperluan Zakattech Dalam Meningkatkan Kualiti Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik. Jurnal Maw'izah, 22-35.
- Rasid, A. H. (2021, Mei 18). Hukum Bayar Zakat Fitrah Secara Online. Kuala Lumpur. Retrieved From <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4803-al-kafi-1793-hukum-bayar-zakat-fitrah-secara-online>
- Wan Nurliza, H. H. (2021). Penggunaan E-Wallet Di Malaysia: Analisa Dan Pandangan Menurutperspektif Syariah. Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies. Vol. 23. No. 2. .